

MAJLIS IFTAR DAN APRESIASI NRES 2026

2 Mac 2026 - Institut Tanah dan Ukur Negara (INSTUN) berkesempatan memenuhi jemputan Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) ke Majlis Iftar dan Apresiasi NRES 2026 yang berlangsung di Putrajaya International Convention Centre (PICC).

INSTUN telah diwakili oleh Ybrs. Tuan Khairin Nazry bin Karim, Pengarah INSTUN bersama wakil daripada setiap bahagian iaitu:

- Ts. Haji Zulkarnain bin Kamaruddin (Ketua Bahagian, Bahagian Teknologi Maklumat)
- Lsr. Mohd Zaidi bin Zakaria (Ketua Bahagian, Bahagian Ukur dan Pemetaan)
- Encik Zulhasmi bin Mohamad (Ketua Bahagian, Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan)
- Encik Abdul Malek bin Abdullah (Wakil Bahagian Pengurusan dan Perundangan Tanah)

Dalam kesempatan ini, warga INSTUN turut merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Datuk Ketua Setiausaha NRES atas kepimpinan, bimbingan dan sumbangan yang amat bermakna sepanjang menerajui kementerian.

Sempena persaraan beliau yang bakal tiba, warga INSTUN mendoakan agar beliau dikurniakan kesihatan yang berpanjangan serta kebahagiaan bersama keluarga tercinta. Semoga segala jasa dan bakti yang dicurahkan akan terus dikenang dan menjadi inspirasi kepada seluruh warga kerja dalam meneruskan legasi kecemerlangan perkhidmatan awam.



